

Pencampuran Kod Dalam Penulisan Karangan Bahasa Arab

Nurmasturah Jamil, Noor Asliza Abdul Rahim, dan Shuhairimi Abdullah

Universiti Malaysia Perlis

nurmasturahjami@gmail.com, asliza@unimap.edu.my, shuhairimi@unimap.edu.my

ABSTRAK

Pencampuran merupakan salah satu strategi komunikasi yang sering digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Strategi pencampuran kod secara tidak langsung dapat membantu pelajar meneruskan kelangsungan komunikasi, sama ada secara lisan atau tulisan. Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap strategi pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar bukan natif dalam penulisan karangan bahasa Arab bagi mata pelajaran *Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'asirah* (LAM) dan seterusnya menganalisis bentuk-bentuk pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan mereka. Sampel kajian ini melibatkan penyertaan sebanyak 10 orang pelajar Tingkatan 4 yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat menengah di Malaysia. Teks penulisan karangan bahasa Arab dari kertas peperiksaan mata pelajaran LAM digunakan sebagai instrumen kajian dan dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif dan dihuraikan secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar menggunakan pencampuran kod yang melibatkan bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu dalam penulisan dari aspek struktur ayat dan juga pemilihan perkataan yang melibatkan penggunaan golongan kata nama seperti kata nama am dan khas, kata kerja dan kata sifat dengan menggunakan sistem tulisan Arab. Penggunaan strategi pencampuran kod adalah untuk mengatasi masalah komunikasi yang terjadi seperti terlupa atau tidak mempunyai kosa kata dalam bahasa Arab, ketidakcekapan menentukan perkataan yang sesuai, pengaruh bahasa ibunda dan bahasa asing, perbezaan budaya Melayu dan Arab dan sebagainya. Walaupun begitu, secara tidak langsung strategi pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar dalam komunikasi bertulis bahasa Arab dilihat sedikit sebanyak dapat membantu mereka meneruskan proses penyampaian mesej.

Kata kunci: Pencampuran kod, strategi komunikasi, Bahasa Arab

PENDAHULUAN

Pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa ketiga dalam kalangan masyarakat di Malaysia sentiasa diberi fokus dan perhatian oleh pihak kerajaan. Hal ini kerana kemahiran berkomunikasi lebih dari satu bahasa dapat memberi peluang dan kelebihan kepada warganegara, khususnya kepada pelajar dalam usaha meningkatkan potensi diri. Pembelajaran bahasa asing sebagai bahasa kedua atau ketiga mula diperkenalkan pelajar di peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi (Awatif Abdul Rahman et al., 2017; Kassim et al., 2017; KPM, 2013; Sopian Anuar, 2019). Oleh itu penekanan terhadap kebolehan berbahasa asing sentiasa diberi penekanan oleh kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2023. Pemerkasaan pembelajaran bahasa asing yang dimulakan di peringkat kanak-kanak didapati memberi kelebihan dan kesan positif kepada perkembangan literasi mereka. Ghasemi & Hashemi (2011), mendedahkan bahawa pembelajaran bahasa asing seawal usia kanak-kanak membantu mereka dalam meningkatkan proses perkembangan kognitif dengan lebih baik. Hal yang sama turut dinyatakan oleh Kuhl (2012) yang juga mencadangkan supaya pendedahan terhadap pembelajaran sesebuah bahasa boleh dimulakan seawal di peringkat bayi dan kanak-kanak bagi meningkatkan kemahiran sosial.

Secara umumnya, penguasaan bahasa memerlukan empat kemahiran asas berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Keempat-empat kemahiran berbahasa ini penting bagi memastikan penutur dapat menguasai dan menggunakan bahasa dengan baik dan cekap. Noor Hanim Rahmat et al. (2022) berpendapat bahawa seseorang penutur natif atau bukan natif yang mempelajari bahasa asing perlu mempunyai pengetahuan berbahasa yang secukupnya bagi memastikan mereka dapat menggunakan dan mengaplikasikan bahasa dengan betul. Hal ini kerana pengetahuan mengenai peraturan dan kosa kata yang secukupnya diperlukan bagi memastikan penutur dapat mempraktikkan bahasa dengan berkesan dalam proses komunikasi.

Penguasaan sesebuah bahasa, terutamanya bahasa asing oleh penutur bukan natif sememangnya bukanlah sesuatu yang mudah. Hal ini kerana penutur bukan natif perlu mempelajari peraturan sesebuah bahasa yang mempunyai ciri-ciri tersendiri dan kepelbagaian kosa kata. Keadaan ini menjadi lebih sukar apabila sistem bahasa asing tersebut berbeza dengan struktur bahasa ibunda mereka (Nor Asree Mohd Noh & Ab Halim Mohamad, 2017). Situasi ini sedikit sebanyak boleh menyebabkan penutur berhadapan dengan masalah untuk mengadaptasi sistem bahasa sasaran dan cenderung untuk membina sistem bahasa tersendiri atas faktor gangguan dari bahasa ibunda yang dikenali sebagai 'bahasa antara'. Menurut Selinker (1972), bahasa antara atau '*interlanguage*' secara umumnya merujuk kepada peringkat peralihan daripada bahasa ibunda kepada bahasa sasaran. Abdul Rahman Abdullah (2009) dan Ma'sum Mohammad (2012) menjelaskan bahawa ciri bahasa antara bersifat sementara, berubah-ubah dan dibentuk sendiri oleh pelajar semasa penguasaan bahasa asing.

Pelajar yang mempelajari sesebuah bahasa, khususnya penutur bukan natif secara umumnya akan mengalami fenomena bahasa antara semasa berada di fasa awal pembelajaran dan penguasaan bahasa asing (Noor Zila Md. Yusuf, 2015). Semasa di awal pembelajaran bahasa sasaran, pelajar didapati cenderung untuk menggabungkan dan mencipta peraturan linguistik yang tersendiri di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran sehingga menyebabkan kedua-dua sistem bahasa tersebut bercampur aduk (Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2017; Selinker, 1972). Bagi mengatasi masalah tersebut, strategi komunikasi didapati merupakan salah satu pendekatan yang berkesan dalam membantu pelajar untuk menghadapi kekurangan kompetensi berbahasa, khususnya bahasa asing. Matlamat utama pengaplikasian strategi komunikasi yang memfokuskan kepada kelangsungan interaksi menjadi penyelesaian kepada masalah komunikasi seperti ketiadaan atau terlupa kosa kata, pengaruh bahasa ibunda, dan sebagainya. Selain itu, pengaplikasian sub strategi komunikasi seperti pencampuran kod ini didapati memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan penyampaian mesej dalam proses komunikasi.

Strategi komunikasi atau '*Communication Strategies*' adalah istilah atau bidang kajian yang mula dipelopori oleh Selinker dalam seminar '*Interlanguage*' pada tahun 1972 (Selinker, 1972). Tarone kemudiannya meluaskan lagi penerokaan dalam konsep strategi komunikasi pada tahun 1976 dengan mendefinisikan strategi komunikasi sebagai 'satu percubaan secara sistematik yang dilakukan oleh pelajar bagi menyampaikan mesej dalam bahasa sasaran apabila berhadapan dengan masalah linguistik yang tidak dapat dibentuk' (Tarone et al., 1983). Dalam pada itu, beliau turut mengemukakan pembahagian taksonomi Tarone (1977) yang menjadi asas kepada perkembangan konsep strategi komunikasi. Bidang strategi komunikasi kemudiannya mula mendapat perhatian oleh para sarjana Barat pada sekitar tahun 1980an bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing kepada penutur bukan natif. Antaranya ialah Canale dan Swain (1980&1983), Faerch dan Kasper (1983), Bialystok (1980 &1983), Paribakht (1985), Willems (1987), kumpulan Nijmegen, Poulish (1993), Dornyei (1995) serta Dornyei & Scott (1997) (Dornyei & Scott, 1997:196&197). Sebahagian daripada mereka seperti Faerch dan Kasper (1983), Bialystok (1980 &1983), Dornyei & Scott (1997) didapati mengemukakan taksonomi baru dengan mengadaptasi taksonomi Tarone (1977).

Selain itu, pengaplikasian strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa asing didapati turut mendapat perhatian para sarjana tempatan sekitar tahun 20-an. Hal ini dapat dibuktikan dengan pelaksanaan beberapa kajian tempatan yang mengkaji elemen strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa asing secara lisan dan tulisan, terutamanya dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Antaranya ialah Abdul Rahman Abdullah (2009), Ashinida Aladdin (2012) dan Amiruddin Ishaq et al. (2019) yang mengkaji penggunaan SK secara lisan dalam pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di peringkat sekolah menengah. Dapatan dari ketiga-tiga kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa Arab membantu pelajar mengatasi masalah komunikasi dalam aktiviti penyampaian mesej secara lisan. Selain itu, strategi komunikasi turut meningkatkan tahap penguasaan linguistik bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Menurut Dörnyei & Scott (1997), pengaplikasian strategi komunikasi dalam pembelajaran bahasa memberi manfaat kepada penutur atau pelajar sesebuah bahasa, terutamanya kepada pelajar bukan natif yang sering kali berhadapan dengan masalah linguistik dalam bahasa asing yang dipelajari. Hal ini kerana mereka sering tercari-cari kosa kata atau sumber linguistik yang tepat dan sesuai untuk digunakan dalam proses interaksi, sama ada secara lisan dan tulisan. Situasi ini berlaku apabila pelajar masih belum menguasai kompetensi sesebuah bahasa secara keseluruhan dengan baik (Abdul Rahman Abdullah, 2009). Bagi mengatasi masalah tersebut, pelajar perlu mempelajari dan menguasai strategi secara berkesan bagi membantu mereka meneruskan proses komunikasi dengan pengaplikasian strategi komunikasi. Salah satu strategi komunikasi yang banyak digunakan oleh penutur dalam konteks bahasa antara banyak menggunakan strategi percampuran kod. Strategi pencampuran kod merupakan salah satu bentuk strategi komunikasi yang dikemukakan dalam taksonomi Tarone (1977&1983), Corder (1983), (Bialystok, 1983a:105), Faerch & Kasper (1983) dan Dörnyei & Scott (1997). Strategi ini juga dikenali sebagai penukaran bahasa atau '*language switch*' oleh Tarone (1977) dan peminjaman atau '*borrowing*' oleh Corder (1983).

Bagi Tarone (1977:198 & 199), pencampuran kod merupakan pemindahan secara sedar yang merujuk kepada penggunaan perkataan bahasa ibunda yang tidak diterjemahkan ke bahasa sasaran, iaitu '*the learner simply uses the native language term without bothering to translate*'. Sementara Bialystok (1983a:105) juga turut mendefinisikan penukaran kod sebagai perkataan atau frasa dalam bahasa ibunda yang digunakan secara terus tanpa diterjemahkan terlebih dahulu kepada bahasa sasaran. Tarone (1977) juga menjelaskan bahawa pelajar yang menggunakan penukaran kod dalam proses komunikasi juga digunakan pada perkataan tertentu dalam bahasa ibunda yang mempunyai perkaitan rapat dan persamaan struktur binaan dalam bahasa sasaran, seperti '*balon*' dalam bahasa Turki bagi merujuk kepada '*balloon*' dalam bahasa Inggeris.

Dari segi pengelasan strategi pencampuran kod, Faerch & Kasper (1983) mengkategorikan penukaran kod dalam kumpulan strategi kompetensi (*compensatory strategies*). Hal ini kerana, menurut mereka, pengaplikasian pencampuran kod sebagai strategi kompetensi mempunyai kaitan dengan pendekatan yang digunakan oleh pelajar untuk menganalisis sistem komunikasi. Pelajar yang berhadapan dengan masalah komunikasi dan tidak dapat meneruskan proses penyampaian mesej dalam bahasa sasaran cenderung untuk mengambil keputusan beralih ke bahasa ibunda bagi meneruskan interaksi (Ma'sum Mohammad, 2012). Selain itu, Dörnyei & Scott (1995) didapati merujuk penukaran kod kepada dua elemen bahasa, iaitu penukaran kod dari bahasa ibunda dan penukaran kod dari bahasa asing. Penukaran kod dari bahasa ibunda berlaku apabila pelajar menggunakan perkataan dan sebutan dari bahasa ibunda ke dalam wacana bahasa sasaran. Manakala, penukaran kod dari bahasa sasaran pula terjadi apabila pelajar menggunakan sumber penukaran kod dari bahasa asing lain ke dalam wacana bahasa sasaran. Dörnyei & Scott (1997) kemudiannya turut mengkategorikan penukaran kod di bawah kumpulan strategi langsung (*direct strategies*) yang memfokuskan kepada penyelesaian secara terus terhadap masalah penguasaan bahasa asing dalam kalangan pelajar. Sebaliknya, Noor Zila Md. Yusuf

(2015) pula didapati mengklasifikasikan penukaran kod di bawah kumpulan pengelakan berikutan pelajar hanya memindahkan perkataan atau ekspresi asal yang tidak diterjemahkan ke dalam wacana bahasa sasaran.

PENYATAAN MASALAH

Secara umumnya, pelajar yang mengikuti pembelajaran formal dalam sistem pendidikan di Malaysia memulakan pembelajaran bahasa asing seawal di peringkat pra sekolah dan diteruskan lagi sehingga ke peringkat sekolah rendah dan menengah. Sebagai contoh, bagi pembelajaran bahasa Arab, pelajar akan mengikuti pembelajaran secara formal di peringkat sekolah sekurang-kurangnya selama 12 tahun, iaitu 1 tahun di peringkat pra sekolah, 6 tahun di peringkat sekolah rendah dan 5 tahun di peringkat sekolah menengah. Dengan melihat kepada tempoh pembelajaran yang lama ini, pelajar dapat diandaikan berkebolehan untuk menguasai kemahiran berbahasa Arab dengan baik.

Namun, menurut Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi (2020) dan Izzah Syakirah Maaruf & Rosni Samah (2020), pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing di Malaysia berhadapan dengan masalah ketidakcekapan untuk menggunakan bahasa Arab secara berkesan walaupun telah mempelajarinya dalam masa dan tempoh pembelajaran yang panjang. Kebanyakan daripada mereka didapati berhadapan dengan masalah kelemahan penguasaan kosa kata dalam bahasa Arab, ketidakcekapan pengaplikasian tatabahasa Arab, kurang mahir menggunakan strategi secara berkesan dan sebagainya (Aliff Nawawi et al., 2020; Mohd Uzaini Mahmood & Muhammad Azhar Zailani, 2017; Sumaiyah et al., 2018). Faktor-faktor ini secara tidak langsung dilihat boleh menjadi punca kepada kegagalan pelajar untuk meneruskan proses penyampaian mesej dengan baik, sama ada secara lisan atau tulisan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan berpanduan kepada dua objektif, iaitu:

- 1) Mengenal pasti bentuk pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar bukan natif bahasa Arab dalam penulisan karangan bagi mata pelajaran LAM.
- 2) Menganalisis bentuk pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar ke atas penyampaian mesej dalam konteks ayat bahasa Arab.

KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia sentiasa mendapat perhatian untuk dipelajari oleh kebanyakan masyarakat Malaysia sama ada secara formal atau tidak formal. Pembelajaran bahasa Arab secara formal dijalankan kepada para pelajar di peringkat sekolah dan madrasah, manakala pembelajaran secara tidak formal pula dijalankan secara meluas di surau, masjid dan pusat-pusat pengajian persendirian. Selain itu, para pelajar yang berminat untuk mendapat pendidikan secara khusus dalam bidang bahasa Arab turut diberi perhatian untuk meneruskan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi di institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara.

Secara umumnya, minat dan kesungguhan penutur bukan natif di Malaysia untuk mempelajari bahasa Arab didapati mempunyai hubungan kait dengan peranan agama Islam sebagai bahasa ibadah. Hal ini kerana penggunaan bahasa Arab bagi tujuan ibadah oleh orang Islam bukan sahaja terhad dalam pelaksanaan ibadah wajib seperti solat, tetapi juga turut digunakan secara meluas dalam ibadah-ibadah lain seperti bacaan Al-Quran, doa, haji dan sebagainya. Malah, pembelajaran

bahasa Arab dalam konteks di Malaysia didapati turut menarik minat masyarakat bukan Islam untuk dipelajari sebagai bahasa komunikasi. Apa yang lebih menarik ialah apabila pelajar bukan Muslim di Malaysia didapati mempunyai pandangan dan persepsi positif bahawa pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing mampu memberi nilai tambah kepada mereka dalam meningkatkan potensi diri (Mohd Shahrizal Nasir et al., 2017).

Bagi memastikan bahasa Arab terus berkembang di Malaysia, pelajar perlu memperkasakan pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab agar dapat dipraktikkan dengan baik dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana pelajar bukan natif bahasa Arab, khususnya mereka yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab secara formal dilihat berupaya untuk mahir dalam penguasaan kemahiran berbahasa Arab berikutan mempelajarinya semenjak di peringkat persekolahan. Namun, situasi yang sebaliknya berlaku apabila Zainur Rijal Abdul Razak et al. (2020), Ismail Muhamad et al. (2013) dan Nor Ain Manap et al. (2022) berpendapat bahawa tahap penguasaan pelajar bukan natif dalam kemahiran berbahasa Arab di Malaysia masih lagi berada di tahap sederhana dan rendah.

Berhubung mengenai kelemahan pelajar dalam penguasaan berbahasa Arab, Ma'sum Mohammad (2012) berpendapat bahawa pelajar bukan natif yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia didapati kurang menguasai kemahiran menulis atau mengarang. Mereka didapati lemah dalam menguasai teknik dan strategi mengarang dengan baik apabila dilihat kurang cekap untuk membina ayat bahasa Arab dengan mengaplikasikan struktur bahasa yang betul. Selain itu, menurut Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini (2017), pelajar bukan natif bahasa Arab di peringkat sekolah menengah juga didapati berada di tahap lemah dalam penulisan karangan. Hal ini dapat dilihat apabila pelajar hanya menunjukkan tahap pencapaian yang lemah dalam aktiviti penulisan karangan berbentuk penyusunan dan penyambungan cerita serta tahap pencapaian yang lemah dan amat lemah dalam penulisan karangan berbentuk bebas.

Oleh itu, keperluan pendedahan mengenai teknik atau strategi berkomunikasi, khususnya dalam kemahiran menulis karangan adalah penting untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam berbahasa asing serta pencapaian pelajar dalam peperiksaan. Hal ini kerana kebolehan dalam mengaplikasikan teknik atau strategi yang berkesan juga secara tidak langsung membantu pelajar menangani masalah komunikasi yang sering terjadi kepada pelajar bukan natif (Radha Nambiar et al., 2008). Selain itu, pendedahan mengenai teknik atau strategi yang berkesan seperti strategi komunikasi didapati meningkatkan kebolehan pelajar dalam menggunakan bahasa asing dengan baik (Dörnyei & Scott, 1997)

Strategi pencampuran kod merupakan salah satu bentuk strategi komunikasi yang digunakan oleh pelajar bagi mengatasi masalah komunikasi dalam bahasa asing. Menurut Hazlina Abdul Halim (2011), pelajar menggunakan pencampuran kod dalam bentuk penulisan dengan cara menggantikan perkataan atau frasa dari bahasa ibunda atau bahasa asing lain dalam wacana bahasa sasaran bagi menyelesaikan masalah komunikasi. Hal ini secara tidak langsung boleh mengakibatkan wacana tulisan yang dihasilkan oleh pelajar bercampur di antara bahasa sasaran dan bahasa ibunda atau bahasa asing lain serta boleh mengakibatkan kekeliruan maksud mesej.

Secara umumnya, penukaran kod digunakan oleh pelajar sebagai solusi kepada masalah kekurangan atau ketiadaan kosa kata dalam bahasa asing. Namun, Hazlina Abdul Halim et al. (2015) dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat sebilangan pelajar yang mengambil jalan mudah untuk menggunakan penukaran kod apabila mengetahui bahawa pendengar atau pembaca mesej mempunyai latar belakang bahasa ibunda yang sama dengan pelajar atau turut berkebolehan menguasai bahasa asing lain. Beliau juga turut mengutarakan pandangan bahawa pencampuran kod seharusnya digunakan secara berhati-hati dengan mengambil kira kesesuaiannya terhadap konteks ayat. Hal ini kerana ketidakcekapan penggunaan strategi pencampuran kod dalam sesebuah wacana bahasa sasaran boleh menjejaskan maksud mesej yang diingini apabila membawa maksud yang berlainan dalam bahasa ibunda atau bahasa

sasaran. Sebagai contoh, perkataan 'turki' dalam frasa 'ayam turki' lazimnya digunakan oleh sesetengah dialek di Malaysia, khususnya oleh masyarakat di negeri Kelantan bagi merujuk kepada ayam belanda merupakan perkataan yang ditukar kodnya dari kata nama 'turkey' dalam bahasa Inggeris. Penukaran kod yang dilakukan ini dilihat tidak bersesuaian serta memberikan maksud yang berlainan dengan mesej sasaran kerana perkataan 'turkey' dalam bahasa Inggeris merujuk kepada ayam belanda, manakala 'turki' dalam bahasa Melayu pula merujuk kepada nama negara Turki. Apabila digabungkan penggunaannya sebagai 'ayam turki', ia didapati tidak membawa maksud 'ayam belanda' seperti yang diinginkan dalam bahasa Perancis, sebaliknya memberi maksud 'ayam dari Turki'.

Namun begitu, Hazlina Abd Halim (2011) berpendapat bahawa strategi penukaran kod dalam proses komunikasi memberi kelebihan kepada pelajar bukan natif dalam meneruskan kelangsungan komunikasi berbanding menghentikan penyampaian mesej. Hal ini kerana pelajar menggunakan strategi ini apabila mendapati dirinya tidak berkeupayaan untuk meneruskan komunikasi dalam bahasa sasaran, lantas mengambil keputusan untuk memasukkan elemen bahasa ibunda atau bahasa asing lain. Menurut Noor Zila Md. Yusuf (2015), situasi ini sering berlaku kepada pelajar yang berada dalam tempoh pemerolehan bahasa sasaran dan ianya akan beransur-ansur hilang apabila mereka menguasai kompetensi bahasa sasaran seiring dengan peredaran masa dan pertambahan kosa kata dalam bahasa sasaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kajian melibatkan pelajar bukan natif bahasa Arab dalam aliran Dini Tulen di Tingkatan 4 yang mempelajari mata pelajaran *Al-Lughah Al-Arabiyah Al-Mu'asirah* (LAM) dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat menengah di di negeri Perlis. Sebanyak 10 sampel kertas peperiksaan mata pelajaran LAM yang dijalankan oleh guru di sekolah gunakan sebagai sampel kajian. dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Analisis kajian memfokuskan kepada jawapan teks karangan dari soalan bahagian kelima yang memerlukan pelajar untuk menghasilkan sebuah karangan bahasa Arab. Bagi mencapai objektif kajian, jawapan penulisan karangan yang dihasilkan oleh pelajar dianalisis bagi mengenal pasti bentuk pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar dan kesan terhadap penyampaian mesej sasaran dalam konteks ayat secara keseluruhan. Penelitian dikhususkan kepada perkataan atau frasa yang ditukar kodnya daripada bahasa Melayu atau bahasa asing lain kepada bahasa Arab dengan menggunakan sistem tulisan bahasa Arab. Secara umumnya, dapatan kajian ini dapat memberi maklumat kepada pembaca mengenai strategi pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar dalam penulisan karangan serta kesannya terhadap hasil penulisan, sama ada berjaya atau gagal menyampaikan mesej yang diinginkan kepada pembaca. Data dianalisis secara deskriptif dengan memberi fokus terhadap elemen pencampuran kod yang dilakukan oleh pelajar semasa menulis. Strategi percampuran kod ini juga merupakan salah satu sub strategi komunikasi dalam taksonomi Tarone (1977&1983), Corder (1983), (Bialystok, 1983), Faerch & Kasper (1983) dan Dornyei & Scott (1997).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis mendapati pelajar menggunakan strategi penukaran kod dalam 49 ayat karangan bahasa Arab. Pencampuran kod yang digunakan didapati hanya melibatkan bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu pada struktur kata nama, kata kerja dan kata sifat serta tidak menggunakan bahasa asing lain seperti bahasa Inggeris dan sebagainya. Penelitian dijalankan terhadap perkataan dan frasa yang ditukar kodnya dan masih menggunakan sistem tulisan bahasa Arab. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

Kata Nama

Dalam konteks kajian ini, pelajar didapati melakukan pencampuran kod pada struktur kata yang melibatkan kata nama am dan kata nama khas. Strategi pencampuran kod pada struktur kata nama adalah paling dominan digunakan dalam kalangan pelajar, iaitu sebanyak 81 kali. Manakala bagi kata nama am pula, elemen pencampuran kod digunakan sebanyak 33 kali, sementara dalam ayat yang melibatkan penggunaan kata nama khas pula digunakan sebanyak 48 kali.

1. Kata Nama Am

Pencampuran kod pada struktur kata nama am digunakan oleh pelajar-pelajar apabila berhadapan dengan masalah terlupa perkataan sasaran atau tidak mempunyai pengetahuan mengenai perkataan bahasa Arab yang sesuai untuk digunakan dalam penulisan. Berikut merupakan beberapa contoh pencampuran kod yang dilakukan oleh pelajar pada kata nama am:

Contoh 1:

(P10:Para 3) وأخيراً، كثيرة أهمية السياحة للمشاركات ومدير والمعلم والبلاد

Maksud Ayat: Akhir sekali, terdapat banyak kelebihan pelancongan kepada masyarakat, pentadbir, guru dan negara.

Berdasarkan contoh 1, pelajar-pelajar memasukkan struktur kata nama am 'المشاركات' (masyarakat) dan merupakan perkataan bahasa Melayu yang dipinjam dari bahasa Arab, tetapi telah dipindahkan makna daripada makna asal bahasa sasaran iaitu 'المشاركة' yang bermaksud 'bekerjasama' dan membawa maksud yang berbeza dengan perkataan 'المشاركات'.

Pengkaji berpendapat bahawa pelajar-pelajar berkemungkinan terlupa kosa kata sasaran dalam bahasa Arab berikutan masih berupaya untuk menggunakan kata nama am yang lain seperti 'مدير' bermaksud pengetua, 'المعلم' bermaksud guru dan 'البلاد' bermaksud negara pada ayat yang sama.

Dalam konteks ayat di atas, pengkaji berpendapat bahawa maksud mesej ini hanya dapat difahami oleh pembaca yang turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan mereka yang mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Melayu. Penutur natif bahasa Arab dilihat akan menghadapi kesukaran untuk memahami maksud ayat tersebut berikutan perkataan 'المشاركات' tidak terdapat dalam bahasa Arab.

Contoh 2:

(P13: Para 5) قبل الى لغكوي، انا واسرتي دخل اسيرة لالى فري. بعد وصل في فري نحن يذهب إلى فري.

Maksud Ayat: Sebelum pergi ke Langkawi, saya sekeluarga masuk ke feri dari kereta. Kami pergi ke feri untuk menaiki feri.

Berdasarkan kepada contoh 2, pelajar menggunakan kata nama am 'فري' bagi merujuk kepada jenis kenderaan air yang digunakan bagi membawa penumpang dan barang, iaitu 'feri' sedangkan dalam bahasa Arab perkataan yang sesuai untuk merujuk kepada kenderaan tersebut ialah, 'السفينة' pelajar. ini disebabkan pelajar tidak menguasai kosa kata nama ini 'السفينة' dengan baik, mungkin disebabkan tidak ada dalam sukatan pengajaran. Oleh itu, kekurangan kosa kata ini menyebabkan usaha menterjemah kata dari bahasa ibunda kepada bahasa sasaran tidak dapat dilakukan dengan baik. Malah pelajar mengambil jalan mudah menggunakan kosa kata bahasa ibunda untuk memastikan mesej disampaikan dengan baik.

Contoh 3:

اشترى الماء لذيذ، الدجاجة وجندول (P15:Para 6)

Maksud Ayat: Saya membeli air minuman yang sedap, ayam dan cendol.

Berdasarkan kepada contoh 3, pelajar menggunakan kata nama am 'جندول' bagi merujuk kepada nama makanan pencuci mulut dalam kalangan masyarakat Malaysia, iaitu 'cendol'. Pelajar diandaikan berhadapan dengan masalah untuk mencari perkataan yang setara dalam bahasa Arab untuk digunakan dalam penulisan bahasa Arab berikutan cendol bukanlah sejenis makanan yang dinikmati oleh penduduk di negara Arab.

Dalam konteks ayat di atas, pengkaji berpendapat bahawa mesej ini dapat difahami oleh pembaca yang menetap di Malaysia serta mereka yang mempunyai pengetahuan tentang kepelbagaian jenis makanan dan minuman di Malaysia. Hal ini kerana pelajar hanya memasukkan perkataan yang dicampurkan kodnya ke dalam ayat bahasa Arab tanpa memberikan huraian terperinci mengenai makanan tersebut. Sebagai contoh, pelajar boleh menghuraikan ciri makanan cendol dengan memasukkan huraian seperti 'الذي يحتوي بهلام الأخضر واللبن' yang bermaksud 'yang terdiri daripada agar-agar berwarna hijau dan santan'. Perkataan yang dicampur kodnya tanpa disertai oleh sebarang huraian akan menyebabkan penutur natif atau pembaca yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai jenis makanan di Malaysia akan berhadapan dengan masalah untuk memahami mesej tersebut dengan baik berikutan perkataan tersebut tidak terdapat dalam bahasa dan budaya Arab.

Contoh 4:

هناك الميدان كثير وجميل مثل kedai-kedai makanan. (P14: Para 3)

Maksud Ayat: Terdapat banyak medan yang cantik seperti kedai-kedai makanan.

Berdasarkan kepada contoh 4, pelajar menggunakan kata nama am 'الميدان' bagi merujuk kepada deretan gerai-gerai kecil yang menjual kepelbagaian juadah makanan, iaitu 'medan' atau lazimnya dikenali sebagai 'medan selera'. Pelajar diandaikan menghadapi masalah untuk menggunakan perkataan yang setara dalam bahasa Arab berikutan sistem gerai makan yang terdapat di Malaysia tidak digunakan di negara Arab.

Berdasarkan kepada ayat di atas, pengkaji berpendapat bahawa ayat tersebut boleh mengakibatkan kekeliruan dan tidak dapat menyampaikan maksud secara jelas kepada pembaca, sama ada penutur natif atau bukan natif. Hal ini kerana pengkaji hanya dapat mengandaikan mesej yang ingin dinyatakan oleh pelajar apabila meneliti keseluruhan ayat dan mengaitkan perkataan 'الميدان' dengan frasa 'kedai-kedai makanan' di akhir ayat tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar sebenarnya ingin merujuk kepada deretan gerai-gerai makanan yang menjual kepelbagaian jenis makanan dan minuman seperti yang terdapat di Malaysia, tetapi berhadapan dengan masalah untuk mencari perkataan yang setara dalam bahasa Arab. Selain itu, pengkaji turut berpendapat bahawa pelajar mungkin juga berfikir dan berteka-teki sama ada sistem 'medan selera' tersebut ada terdapat di negara Arab atau tidak. Bagi menyampaikan mesej tersebut, pelajar sebenarnya boleh menggunakan pengetahuan sedia ada serta perkataan yang mempunyai makna yang sama dengan 'medan makan' seperti 'المطعم' bermaksud 'restoran' atau 'kedai makan' atau 'kantin' yang turut merujuk kepada tempat yang menjual makanan.

2. Kata Nama Khas

Pencampuran kod pada struktur kata nama khas digunakan oleh pelajar apabila berhadapan dengan masalah untuk mencari perkataan yang setara menggunakan kosa kata bahasa Arab.

Berikut merupakan beberapa contoh pencampuran kod yang dilakukan oleh pelajar pada kata nama khas:

Contoh 5:

(P8: Para 4) في ذلك، بعد صلاة سنة عيديل فطري وزع الصدقة ولا زكاة

Maksud Ayat: Selain itu, pembayaran yang dilakukan selepas Solat Sunat Aidil Fitri dirujuk sebagai sedekah dan bukannya zakat.

Berdasarkan kepada contoh 5, pelajar menggunakan kata nama khas 'صلاة سنة عيديل فطري' bagi merujuk kepada 'solat sunat Aidil Fitri' yang menggunakan sistem tulisan Jawi. Rangkaian kata yang digunakan oleh pelajar merupakan istilah bahasa Melayu yang lazimnya digunakan oleh masyarakat Malaysia bagi merujuk kepada jenis solat sunat. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa rangkaian kata yang ditukar kodnya ini menggunakan tulisan Jawi yang mempunyai sedikit persamaan dengan fonologi bahasa Arab. Namun, tidak bertepatan dengan sistem tulisan Arab. Hal ini kerana dalam bahasa Arab istilah dan struktur ayat yang tepat ialah 'صلاة عيد الفطري'. Pelajar juga didapati terpengaruh dengan sistem ejaan Jawi apabila menggunakan rangkaian kata 'عيديل فطري' yang mempunyai sebutan yang hampir sama dengan perkataan sasaran dalam bahasa Arab, iaitu 'عيد الفطر'.

Penggunaan ayat tersebut berkaitan rapat dengan budaya masyarakat bagi menunjukkan perbezaan jenis-jenis solat yang terdapat dalam agama Islam. m Dalam konteks ini, mesej masih dapat difahami oleh pembaca natif dan bukan natif bahasa Arab. Hal ini kerana rangkaian kata yang digunakan oleh pelajar mempunyai banyak persamaan dengan bahasa Arab. Perbezaan yang berlaku hanyalah melibatkan penambahan perkataan 'سنة' dan penggunaan sistem ejaan Jawi. Namun, kedua-dua perbezaan ini tidak memberi kesan yang besar sehingga dapat menjejaskan maksud sasaran. Ini kerana penutur natif hakikatnya mengetahui bahawa solat Aidil Fitri merupakan salah satu solat sunat yang dianjurkan dalam Islam. Manakala, sistem ejaan Jawi yang digunakan oleh pelajar masih memberikan sebutan yang sama dengan sistem tulisan Arab.

Contoh 6:

(P11: Para 3) الموعد: ٥ رجب ١٤٤١ و ٣ فبراير ٢٠٢٠

Maksud Ayat: Tarikh: 5 Rejab 1441 bersamaan 3 February 2022

Berdasarkan kepada contoh 6, pelajar menggunakan kata nama khas 'فبراير' bagi merujuk kepada 'فبراير'. Perkataan yang digunakan oleh pelajar merupakan istilah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, iaitu 'Februari' dan 'February' yang disebut sebagai 'فبراير' dalam bahasa Arab. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar menghadapi kekeliruan untuk menentukan dengan istilah yang paling tepat untuk digunakan dalam bahasa Arab berikutan terdapat sedikit perbezaan sebutan di antara bahasa Arab (فبراير) dengan bahasa Melayu (Februari) dan bahasa Inggeris (February). Pelajar berkemungkinan tidak menyedari atau langsung tidak mengetahui bahawa istilah yang ditukar kodnya adalah tidak bertepatan dalam bahasa Arab. Namun, mesej ini masih dapat difahami oleh penutur natif dan bukan natif bahasa Arab. Hal ini kerana istilah yang digunakan oleh pelajar masih tidak tersasar jauh dari perkataan sasaran yang ingin digunakan. Berlainan dengan penutur natif yang tidak mempunyai latar belakang sebarang bahasa asing, mereka mungkin berhadapan dengan masalah untuk memahami mesej ini berikutan perkataan yang ditukar kod ini tidak terdapat dalam glosari bahasa Arab.

Contoh 7:

ناسي كندر يسمين في هذه المطعم لذيق (P15:Para 5)

Maksud Ayat: Nasi Kandar Yasmeeen di restoran ini sedap

Berdasarkan kepada contoh 7, pelajar menggunakan kata nama khas 'ناسي كندر يسمين' bagi merujuk kepada sejenis makanan India yang terdapat di sebuah restoran. Dalam konteks ini penggunaan perkataan ناسي كندر يسمين dilihat tidak menyalahi struktur ayat yang melibatkan penggunaan kata nama khas yang sememangnya perlu dikekalkan penggunaannya. Namun, pengkaji mengesyorkan bahawa penggunaan istilah kata nama khas sebegini perlu disertakan dengan huraian untuk menguatkan lagi pemahaman pembaca khususnya penutur natif bahasa sasaran terhadap mesej yang diberikan.

Dalam konteks ayat di atas, pengkaji berpendapat bahawa mesej sasaran yang ingin disampaikan dapat difahami oleh penutur bukan natif yang mempunyai pengetahuan tentang kepelbagaian jenis makanan dan nama restoran di Malaysia, khususnya mereka yang menetap di negeri Perlis dan Kedah. Hal ini kerana pelajar menggabungkan terus nama makanan, iaitu 'nasi kandar' dengan nama restoran yang menyediakan juadah tersebut, iaitu 'restoran Yasmeeen' yang hanya terdapat di negeri Perlis dan Kedah. Sebaliknya, bagi penutur natif bahasa Arab, pengkaji berpendapat bahawa mereka berkemungkinan menghadapi masalah untuk memahami mesej sasaran berikutan 'nasi kandar Yasmeeen' tidak diuraikan dengan lebih terperinci seperti ciri ramuan, warna, rasa dan sebagainya.

Contoh 8:

هناك ذوو نغارا في كوالا لمفور (P16: Para 5)

Maksud Ayat: Terdapat Zoo Negara di Kuala Lumpur

Berdasarkan contoh 8, pelajar menggunakan dua kata nama khas, iaitu 'ذوو نغارا' bagi merujuk kepada Zoo Negara dan 'كوالا لمفور' bagi merujuk kepada ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Bagi frasa yang pertama, pelajar mengambil jalan mudah dengan terus menggunakan rangkaian kata 'ذوو نغارا' dari bahasa Melayu tanpa berusaha untuk mencari perkataan yang setara dalam bahasa Arab, iaitu 'حديقة الحيوانات'. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar sebenarnya boleh menggunakan dua kaedah untuk menyampaikan mesej sasaran, iaitu dengan hanya menggunakan frasa bahasa Arab, iaitu 'حديقة الحيوانات' atau dengan menggabungkan kedua-dua frasa bahasa Arab dan bahasa Melayu, iaitu 'حديقة الحيوانات: ذوو نغارا' bagi memberikan maksud mesej yang lebih jelas kepada pembaca, terutamanya kepada penutur natif.

Bagi frasa kedua pula, pelajar menggunakan kata nama khas, iaitu 'كوالا لمفور' bagi merujuk kepada lokasi terletaknya 'ذوو نغارا'. Pengkaji berpendapat bahawa pencampuran kod 'كوالا لمفور' yang digunakan oleh pelajar dalam ayat ini adalah bersesuaian berikutan 'كوالا لمفور' merupakan nama tempat yang dikenali sebagai ibu negara Malaysia di seluruh dunia. Selain itu, rangkaian kata yang ditukar kodnya (كوالا لمفور) juga digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang.

Dalam konteks ayat di atas, penggunaan frasa 'ذوو نغارا' sebaiknya digandingkan bersama dengan frasa 'حديقة الحيوانات' bagi memberi maksud mesej yang lebih jelas, terutamanya kepada pembaca yang merupakan penutur natif. Namun, bagi frasa 'كوالا لمفور' pula, ianya dilihat berupaya menyampaikan mesej yang diinginkan dengan baik kepada pembaca, sama ada pembaca yang merupakan penutur natif atau bukan penutur natif bahasa Arab.

Kata Kerja

Hasil analisis juga mendapati bahawa pelajar melakukan pencampuran kod yang melibatkan kata kerja pada tahap kekerapan sederhana, iaitu sebanyak 4 kali.

Contoh 9:

(P10:Para 2) مثل، في السياحة منجوال الطعام وشربت

Maksud Ayat: Sebagai contoh, dalam sektor pelancongan dapat menjual makanan dan minuman

Berdasarkan kepada contoh 7, pelajar menggunakan kata kerja 'منجوال' yang ditukar kodnya dari perkataan bahasa Melayu, iaitu 'menjual'. Pengkaji berpendapat bahawa pelajar menggunakan perkataan tersebut tanpa menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab berikutan terlupa atau tidak mempunyai pengetahuan bagi perkataan sasaran, iaitu 'تبيع' yang membawa maksud yang diinginkan.

Kata Sifat

Dapatan analisis juga mendapati bahawa pelajar turut melakukan pencampuran kod yang melibatkan kata sifat pada tahap kekerapan rendah, iaitu sebanyak 3 kali.

Contoh 10:

(P15:Para 6) أشتري الماء لذيذ، والدجاجة وجندول. لذيذ وموره

Maksud Ayat: Saya membeli air yang sedap, ayam dan cendol. Sedap dan murah.

Berdasarkan kepada contoh 10, pelajar menggunakan kata sifat 'موره' yang ditukar kodnya dari perkataan bahasa Melayu, iaitu 'murah'. Pelajar Perkataan yang tepat dalam bahasa Arab ialah 'رخيص'. Selain itu, pelajar juga berkemungkinan menghadapi masalah kekurangan kosa kata yang bersesuaian untuk digunakan dalam pembinaan ayat. Hal ini dapat dilihat apabila pelajar menggunakan kata sifat 'لذيذ' yang bermaksud 'sedap' sebelum perkataan 'موره' sebanyak dua kali dalam dua ayat yang berdekatan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, strategi pencampuran didapati membantu pelajar mengatasi masalah komunikasi yang terjadi dalam proses penulisan mereka. Melalui kajian ini, pencampuran kod digunakan bagi mengatasi masalah komunikasi yang terjadi atas beberapa faktor, antaranya ialah terlupa atau tidak mempunyai kosa kata dalam bahasa Arab, ketidakcekapan menentukan perkataan yang sesuai, pengaruh bahasa ibunda dan bahasa asing, perbezaan budaya Melayu dan Arab dan sebagainya. Bagi menangani masalah tersebut, strategi pencampuran kod yang digunakan oleh pelajar ini sedikit sebanyak didapati membantu pelajar yang belum menguasai kosa kata dan sistem linguistik bahasa Arab secara sepenuhnya untuk meneruskan kelangsungan dalam penyampaian mesej. Dalam hal ini Mohd Helmi Pangat (2017) berpendapat bahawa strategi pencampuran kod, sama ada dari bahasa ibunda atau bahasa asing lain sebenarnya berupaya untuk mengelakkan pelajar dari menghentikan komunikasi namun perlu digunakan secara berhemah kerana menurut Hazlina Abdul Halim (2011) kerana penggunaannya secara berleluasa dilihat kurang membantu pelajar dalam meningkatkan penguasaan bahasa sasaran secara berkesan.

Oleh yang demikian, strategi pencampuran kod seharusnya digunakan secara berhati-hati dengan mengambil kira kesesuaiannya terhadap konteks ayat. Hal ini kerana penggunaan pencampuran kod yang tidak bersesuaian dengan konteks ayat atau tidak disertakan dengan penjelasan dan huraian yang terperinci boleh mengakibatkan kekeliruan atau kekaburan terhadap penyampaian mesej. Situasi ini secara tidak langsung akan mendatangkan masalah kepada pembaca, terutamanya penutur natif bahasa Arab atau penutur bukan natif yang tidak mempunyai latar belakang pengetahuan bahasa yang sama dengan pelajar dalam memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Bertepatan dengan itu, menerusi kajian ini, beberapa cadangan turut dikemukakan bagi membantu pelajar untuk mengaplikasi strategi pencampuran kod secara berkesan. Antaranya ialah:

1. Guru perlu memberi pendedahan dan menjelaskan kepada pelajar bahawa strategi pencampuran kod perlu digunakan dalam konteks tertentu sahaja dan tidak digalakkan untuk digunakan sebagai jalan mudah dalam menyampaikan mesej sasaran. Selain itu, guru boleh memberi cadangan kepada pelajar untuk memberikan huraian yang bersesuaian bagi menjelaskan mengenai kod-kod yang ditukar dari bahasa ibu atau bahasa asing lain jika berkeperluan untuk digunakan dalam penulisan karangan bahasa Arab.
2. Pelajar perlu memperluaskan sumber bahan bacaan dalam bahasa Arab bagi meningkatkan penguasaan kosa kata dan gaya bahasa yang betul. Hal ini secara tidak langsung membantu pelajar dalam menggunakan kosa kata yang sesuai dan tepat dalam penulisan karangan bahasa Arab.
3. Kerajaan juga dicadangkan untuk memberi penekanan terhadap usaha untuk menyemarakkan penggunaan bahasa Arab secara praktikal, sama ada secara lisan atau bertulis bagi memastikan pelajar dapat menggunakan bahasa Arab secara berkesan serta berupaya untuk memenuhi keperluan terkini. Penekanan terhadap penguasaan kemahiran dwibahasa seharusnya diberi perhatian bagi menjayakan hasrat kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. (2009). Kompetensi Komunikatif dan Strategi Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sek. Men. Keb. Agama di Negeri Selangor [Universiti Malaya]. *Tesis Doktor Falsafah*.
- Aliff Naw, Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Norkhairiah Hashim. (2020). Komunikasi Berkesan Menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 20–40.
- Amiruddin Ishaq, Muhammad Helmi Abdullah, Zarima Ja'far, & Ramlah Muhammad Zakaria. (2019). المهارات الاتصالية في عملية التعليم والتعلم في المدارس الدينية بماليزيا. *Al-Makrifah*, 16, 44–54. <https://doi.org/10.1007/s11273-020-09706-3> <http://dx.doi.org/10.1016/j.jweia.2017.09.008> <https://doi.org/10.1016/j.energy.2020.117919> <https://doi.org/10.1016/j.coldregions.2020.103116> <http://dx.doi.org/10.1016/j.jweia.2010.12.004> <http://dx.doi.org/10.1016/j.jweia.2010.12.004>
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi Dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 645–666.
- Awatif Abdul Rahman, Siti Nurhajariah Md Isa, Norfaezah Mohd Hamidin, & Idi Hamdi. (2017). PENDIDIKAN BAHASA ARAB DI PERINGKAT PRASEKOLAH: SATU TINJAUAN AWAL. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/25-AWATIF.pdf>
- Bialystok, E. (1983). Some Factors in the Selection and Implementation of Communication Strategies. In *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 100–118).

- Corder, S. P. (1983). Strategies of Communication. In C. Fearch & G. Kaesper (Eds.), *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 15–19). Longman.
- Dornyei, Z., & Scott, M. L. (1995). Communication Strategies: An Empirical Analysis With Retrospection. *The 21st Annual Symposium of the Deseret Language and Linguistics Society*, 155–168.
- Dörnyei, Z., & Scott, M. L. (1997). Communication Strategies in a Second Language: Definitions and Taxonomies. *Language Learning*, 47(1), 173–210. <https://doi.org/10.1111/0023-8333.51997005>.
- Faerch, C., & Kasper, G. (1983). Plans and Strategies in Foreign Language Communication. In *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 20–60).
- Fatin Rabiha Abdul Kadir, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Bahasa Antara dalam Komunikasi Lisan Penutur Melayu dan Penutur Bukan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7(2), 1–16. <http://dx.doi.org/10.24014/sb.v9i2.387>.
- Ghasemi, B., & Hashemi, M. (2011). Foreign Language Learning During Childhood. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 28, 872–876. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.11.160>.
- Hazlina Abdul Halim. (2011). Pengaruh Bahasa Melayu Dalam Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Perancis. *Universiti Putra Malaysia*.
- Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat, & Normaliza Abd Rahim. (2015). Strategi Komunikasi Penulisan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Perancis. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 20–40. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/35480/>.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatun Akmar Wan Ahmad, & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2), 81–97.
- Izzah Syakirah Maaruf, & Rosni Samah. (2020). Kebolehan Menterjemah Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Sains Humanika*, 3(12), 17–23.
- Kassim, N., Damit, S. A., Taat, M. S., Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit, & Muhammad Suhaimi Taat. (2017). Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajarPPPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan*, 1(2017), 125–142.
- KPM. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. In *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Kuhl, P. K. (2012). Early Language Learning and Literacy: Neuroscience Implications for Education. *Mind Brain Educ.*, 5(3), 128–142. <https://doi.org/10.1111/j.1751-228X.2011.01121.x.Early>.
- Ma'sum Mohammad. (2012). Strategi Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab Di Jakarta. *Universiti Malaya*.
- Mahamod Zamri, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Sharala A/P Subramaniam. (2014). Penggunaan Dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBPM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, 4(2), 25–35.
- Mohd Helmi Pangat. (2017). *Strategi Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Cina di SRJK(C): Kajian Kes di Daerah Hulu Langat, Selangor*. <http://studentsrepo.um.edu.my/11511/1/Samsuddin.pdf>.
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin, & Muhammad Sabri Sahrir. (2017). Persepsi Pelajar Muslim terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Islamiyyat*, 39(1), 29–37. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-04>.
- Mohd Uzaini Mahmood, & Muhammad Azhar Zailani. (2017). Kemahiran Menulis Jumlah Bahasa Arab. *The Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 20–27.
- Muhammad Zahri Abdul Karim, & Muhammad Haron Husaini. (2017). Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(3), 1–11.

- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). Meningkatkan Kosa Kata , Motivasi dan Keyakinan Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Melalui Program Bahasa Arab. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 9, 1–10.
- Noor Hanim Rahmat, Sharifah Amani Syed Abdul Rahman, D Rohayu Mohd Yunos, Syed Salleh Syed Abdul Rahman, & Azrul Hisyam Abdul Rahman. (2022). Exploring The Use of Knowledge in Language Learning. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(2), 16–31. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i2/12268>.
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). *Bahasa Antara Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Ain Manap, Saini Ag. Damit, Asiah Abas, & Noorafini Kassim. (2022). Tahap Penguasaan Literasi Bahasa Arab dalam Kalangan Masyarakat Awam di Sabah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)*, 5(17), 33–40. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.517003>.
- Nor Asree Mohd Noh, & Ab Halim Mohamad. (2017). Gangguan Bahasa Dari Aspek Tatabahasa Dalam Kalangan Pelajar Melayu. *Jurnal AL-ANWAR*, 4(2), 1–19.
- Radha Nambiar, Noraini Ibrahim, & Pramela Krish. (2008). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. *Jurnal E-Bangi*, 3(1). http://journalarticle.ukm.my/913/1/penggunaan_startegi_pembelajaran_bahasa.pdf.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 3(1972), 209–231.
- Sopian Anuar. (2019). Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar Uitm Melaka. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.27005>.
- Sumaiyah, S., Nik Farhan, M., Pabiyah, T., & Wan Muhammad, W. S. (2018). Permasalahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*.
- Tarone, E. (1983). Teaching Strategic Competence in the Foreign Language Classroom. *Studies in Language Learning*, 4(2), 121–130.
- Tarone, E., Cohen, A. D., & Dumas, G. (1983). A Closer Look at Some Interlanguage Terminology: A Framework for Communication Strategies. In *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 4–14). <https://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=ED125313&site=ehost-live>.
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah, & Sulaiman Ismail. (2020). Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(1), 71–80. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.3544>.